

15/04/1999

PNB berusaha mantapkan sastera

Jamudin Idris

SELEPAS puisi berkumandang di Menara Maybank, sebuah lagi syarikat gergasi Malaysia berusaha memantapkan sastera khususnya puisi dengan menganjur pertandingan peringkat kebangsaan dan mengadakan majlis deklamasi puisi.

Permodalan Nasional Berhad (PNB) melengkapkan agenda memartabatkan seni kreatif kerana sebelum ini mereka menganjurkan pertandingan seni lukis dan tahun lalu pertandingan melukis kartun.

Sempena pertandingan karya seni kreatif puisi kebangsaan, PNB turut mengadakan acara deklamasi puisi.

Tidak seperti di Maybank yang disertai korporat dan diplomatik, baca puisi PNB disertai tokoh sastera.

Sutung Umar Rs dari Pena tampil dengan puisi Dinsman berjudul Malaysia Tanpa Mahathir, mengadaikan Tan Sri Musa Hitam atau Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri, apakah pencapaian seperti yang dinikmati kini mampu diperolehi?

Puisi itu jelas memuji dan mendukung kepemimpinan Dr Mahathir yang membawa kemajuan tidak saja kepada rakyat tetapi juga Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal pada masa kini.

A Ghafar Ibrahim tampil dengan puisi nasihat berjudul Gurindam Orang Dewasa didasarkan pada buku Za'ba dan turut mendeklamasikan dua puisi Usman Awang berjudul Kehilangan Nama dan Balada Terbunuh Beringin Tua Di Pinggir Bandaraya.

Dr Siti Zainon Ismail pula hadir dengan tiga puisi berkaitan kapal (bahtera) berjudul Jangkal, Kunci dan Taman Kesejahteraan.

Siti Zaleha Hashim memilih Gurindam 12 karya Raja Ali Haji yang terkenal dengan unsur nasihat manakala nyanyian lagu puisi disampaikan oleh Koprata.

Terdahulu ahli Lembaga Pengarah PNB, Tan Sri Abang Bujang Mohd Noor dan isterinya Puan Seri Norlela Abang Zawawi menyampaikan beberapa lagu P Ramlee.

Orang ramai juga dihiburkan oleh Kumpulan Suarasa dan Kumpulan Sendawa dengan nyanyian serta sketsa melucukan.

Acara kemuncak ialah pelancaran Pertandingan Karya Seni Kreatif Puisi Kebangsaan oleh Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid manakala pelancaran Buletin Kelab Kreatif PNB disempurnakan isteri Ahmad Sarji, Puan Sri Sagiyah Salikin yang juga penaung kelab itu.

Ahmad Sarji dalam ucapannya mengumumkan PNB meneruskan sayembara penulisan puisi tradisional dan moden dan tarikh tutup penyertaan pada 15 Julai.

Pertandingan dibahagikan kepada puisi tradisional dan moden.

Tiga hadiah utama untuk kedua-dua bahagian ialah RM1,500 dan masing-masing 10 hadiah sagu hati dan setiap seorang menerima RM500.

Pertandingan itu akan diadili tiga pengadil bagi setiap bahagian. Borang penyertaan boleh diperolehi di pejabat PNB termasuk di negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka, universiti tempatan, perpustakaan awam dan rumah Gapena.

Tema puisi tradisional dan moden itu ialah Menempa Wawasan Mengukir Gemilang, berkisar mengenai ekonomi, pembangunan sosial atau yang lebih penting kecemerlangan PNB.

Walaupun kita menyambut baik usaha pertandingan itu tetapi sesuai dengan PNB, sebuah syarikat multinasional, ramai menjangka hadiah yang ditawarkan sepatutnya lumayan sesuai dengan nama besar dalam ekonomi orang Melayu.

(END)